

Dasar Keselamatan, Kesihatan, Persekitaran (SHE)

Di allnex, kami komited melindungi pekerja, pelanggan, kontraktor, persekitaran dan komuniti di tempat kami beroperasi. Kami melihat ini sebagai unsur penting kerana diiktiraf sebagai Syarikat Coating Resins yang unggul.

Kami percaya perniagaan yang mantap memberi keutamaan terhadap keselamatan, kesihatan, alam sekitar dan sekuriti. Ini menunjukkan pematuhan sepenuhnya dengan keperluan undang-undang, permit dan pengawalaturan lain yang dikenakan kepada operasi kami. Standard dalaman, objektif, pengukur prestasi, prosedur dan audit adalah asas bagi peningkatan dan kecemerlangan operasi kami yang berterusan dan digunakan secara global.

Kami mereka bentuk, mengeluarkan dan memasarkan produk dan perkhidmatan secara ekologi dan sosial bagi faedah pelanggan kami dan mengadakan dialog dengan pemegang kepentingan kami. Kami menguruskan risiko secara sistematik melalui pengenalpastian terhadap bahaya, penilaian terhadap risiko yang berkaitan dan pelaksanaan kawalan yang wajar dengan pengesahan terhadap integriti proses ini.

Syarikat akan menyediakan sumber, latihan dan maklumat, bila dan di mana diperlukan untuk mencapai matlamat strategik dan operasi kami. Kami mengharapkan komitmen yang jitu daripada semua pekerja terhadap Nilai Keselamatan, Kesihatan, Persekitaran dan kami semua hendaklah mengamalkan kepimpinan melalui teladan. Sikap positif daripada kami semua menyumbang ke arah tahap budaya SHE yang lebih tinggi sepertimana kami dedikasikan.



Miguel Mantas, CEO

allnex
The Coating Resins Company